

Badan tren MRT pertama tiba Mei

Kuala Lumpur: Badan tren Mass Rapid Transit (MRT) yang pertama dijangka tiba dari China pada akhir Mei depan sebelum dipasang di kilang pemasangan di Rasa, Hulu Selangor.

Kerja pemasangan tren yang mengandungi dua gerabak dijangka siap pada 31 Oktober depan sebelum diuji di Sungai Buloh dari segi sistem kawalan operasi, komunikasi dan keselamatan.

Tren MRT keluaran Siemens Ag dari Jerman dan reka bentuk BMW Designworks USA, pertama kali digunakan di Asia.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Amir Mahmood Razak, berkata kerja pemasangan akan dilakukan dengan kerjasama MRT Corp dan Siemens.

Pamer replika gerabak
Katanya, komponen tren dikeluarkan oleh pelbagai negara seperti China tetapi akan dipasang di kilang pemasangan pertama di negara ini yang sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada Mei depan.

"Bagaimanapun, ada beberapa komponen tempatan seperti lampu LED dan tempat duduk yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan," katanya pada sesi lawatan media ke Replika Tren MRT di balai ketibaan KLIA Ekspres, KL Sentral di sini, semalam.

Sempena lawatan itu, Ketua Eksekutif Pengangkutan Bandar, Bahagian Sistem Rel, Siemens AG, Sandra Gott-Karlbauer, memperkenalkan replika sebenar gerabak MRT.

Tujuan replika itu dipamerkan bagi membolehkan

kan orang ramai melihat reka bentuk sebenar separuh daripada gerabak tren yang akan digunakan bagi aliran Sungai Buloh-Kajang.

Pameran akan berlangsung sehingga 18 Mei depan, bermula jam 9 pagi hingga 9 malam setiap hari.

Laluan bawah tanah siap Julai 2017

Amir berkata, sebanyak 58 set tren akan digunakan bagi laluan Kajang-Sungai Buloh dengan operasi pertama membabitkan laluan Sungai Buloh-Semantan menjelang Disember 2016 dan laluan bawah tanah pula dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2017.

Ada empat gerabak bagi setiap set tren yang boleh memuatkan 174 penumpang dengan 45 tempat duduk di penghujung gerabak dan 42 tempat duduk di tengah gerabak.

Setiap gerabak mampu mengangkut 300 penumpang dengan jumlah keseluruhan 1,200 penumpang pada satu masa atau 20,000 orang dalam tempoh sejam bagi setiap arah.

INFO

Tren MRT

- Konsep rekaan tren dikenali 'Guiding Light' berdasarkan inovasi metro Siemens yang dikenali sebagai Inspiro.
- Dilengkapi ciri keselamatan berdasarkan standard antarabangsa.
- Dilengkapi pengawasan menerusi kamera litar tertutup secara langsung di dalam dan luar tren.